

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 2017

#### PENETAPAN HARGA JUALAN PASIR DAN KOS TAMBANG PENGANGKUTAN.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 07/2017 yang bersidang pada 18 Januari 2017 melalui Kertas Bil. 2/2017/D 11(119) telah memutuskan bahawa harga bagi penjualan pasir dan kos tambang pengangkutan yang berkaitan dengannya adalah seperti berikut:-


##### A. Harga pasir

<u>Jenis Batu Batan</u>	<u>Harga (RM) dalam Meter padu (m<sup>3</sup>)</u>	<u>Harga (RM) dalam tan</u>
Pasir kasar (Coarse Sand)	18.00	10.60
Pasir halus (Find Sand)	22.00	13.00
Pasir kotor (Dumping Sand)	14.00	8.00
Batu	14.00	8.00

##### B. Kos Tambang Pengangkutan

<u>Kategori pengangkutan</u>	<u>Harga Asas (≤10km)</u>	<u>Harga setiap kilometer berikutnya</u>
Van tayar 6	RM25.00	RM2.20
Lori tayar 6	RM30.00	RM2.60
Lori tayar 10 dan ke atas	RM45.00	RM3.90

2. Sehubungan dengan itu mana-mana orang / badan / syarikat yang terlibat dengan perusahaan pasir (batu batan) hendaklah mematuhi keputusan tersebut.
  
3. Semua pengusaha pasir yang berkeelayakan dan pemilik-pemilik pengangkutan untuk tujuan pemindahan pasir ( batu batan) hendaklah mendaftar di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan. Mana-mana pengusaha pasir dan pemilik kenderaan pengangkutan yang tidak mempunyai sijil pendaftaran daripada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan akan diambil tindakan sewajarnya di bawah undang-undang yang berkaitan denganya oleh pihak berkuasa berkenaan.
  
4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



.....  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD**, DPSK (Kelantan)  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN**

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan